

01 FEBRUARI 2023

DEWAN KULIAH UTAMA (DKU), UniSZA

S I M P O S I U M PENTADBIR UniSZA

PEMERKASAAN
JATI DIRI
PEGAWAI
MENDEPANI
CABARAN &
PERUBAHAN



En. Ismail Musa
Pendaftar UniSZA



SIMPOSIUM PENTADBIR

08.30 pagi : Pendaftaran dan Sarapan

08.45 pagi : Majlis Bermula

: Bacaan Doa

: Ucapan Aluan YBhg. Pendaftar

: Ucapan Aluan dan Perasmian
Oleh: **YBhg. Naib Canselor**

09.30 pagi : **Pembentangan 1:**

Nilai dan Etika dari Sudut Pegawai Tadbir

Oleh: **Puan Rosliza binti Abdul Razak**

Timbalan Pengarah SPAQM

10.00 pagi : Pembentangan 2 :

Hikmah : Program Himpunan Perdana Kolej Kediaman
UniSZA & Pelancaran Kempen Bi'ah Solehah 2022

Oleh: **Encik Rusdi bin Muda**

Timbalan Pendaftar Kolej Kediaman & Kesihatan Pelajar

10.30 pagi : Rehat

11.00 pagi : Pembentangan 3 :

Penerapan Model Kompetensi di Kalangan Pentadbir UniSZA

Oleh: **Encik Cairul Anwar bin Mohamed**

Timbalan Pengarah Pusat Alumni

11.30 pagi : Ulasan dan Rumusan Pendaftar

12.00 t/hari : Penyampaian Cenderahati

Majlis Tamat/ Bersurai

Maklumat Pembentang



ENCIK ISMAIL MUSA

PENDAFTAR



PUAN ROSLIZA ABDUL RAZAK



TIMBALAN PENGARAH
(PENARAFAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK)
PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK DAN
PENGURUSAN SISTEM KUALITI

ENCIK RUSDI MUDA

TIMBALAN PENDAFTAR
KOLEJ KEDIAMAN DAN KESIHATAN PELAJAR



ENCIK CAIRUL ANWAR MOHAMED



TIMBALAN PENGARAH
PUSAT ALUMNI



Permata Universiti



Ismail bin Musa
Universiti Sultan Zainal Abidin
ilmusa@unisza.edu.my

ABSTRAK

Universiti berperanan besar dalam pembangunan dan kelestarian sesebuah negara. Segala kepakaran yang dimilikinya berupaya menentukan corak dan bentuk negara berkenaan dalam skop yang asas seperti politik, ekonomi, kemasyarakatan, budaya dan corak berfikir serta bertindak rakyatnya. Justeru, universiti hendaklah diurus dengan baik dan berkredibiliti agar ia benar-benar diletakkan di posisi yang sepatutnya sebagai saraf tunjang dan tulang belakang negara.

Menyedari hakikat ini, pentadbir universiti amat berperanan dalam menggalas tugas yang besar ini selari dengan visi dan misi sebuah pusat pengajian tinggi. Hal ini dapat direalisasikan oleh kumpulan pengurusan dan profesional yang cekap, beristiqamah, berpandangan jauh, bernilai murni dan berperancangan sama ada untuk jangka masa pendek maupun panjang. Malah, kebijakan mereka untuk membuat penilaian dan natijah tindakan terbaik terhadap sesuatu isu atau perkara perlu diambil kira bagi kepentingan pentadbiran universiti. Selain itu, pentadbir universiti perlu mengutamakan lima asas sebagai nadi dalam pengurusan universiti iaitu perancangan, pelaksanaan, penguatkuasaan, penyelarasan, dan penilaian. Perancangan yang teliti akan memudahkan tindakan yang akan dilakukan. Pelaksanaan terhadap segala apa yang dirancang akan dipantau melalui penguatkuasaan. Penyelarasan yang efisen akan melancarkan pergerakan organisasi untuk mencapai matlamat mereka. Penilaian atau konsep ‘muhasabah’ yang diperaktikkan oleh pentadbir universiti akan berupaya melihat kelemahan dan kekurangan yang perlu ditambahbaik dari masa ke masa.

Tegasnya, melihat betapa besarnya tanggungjawab pentadbir universiti, mereka wajar dinobatkan sebagai PERMATA UNIVERSITI. Namun, ia bukanlah indikator yang menafikan peranan golongan lain dalam komuniti universiti sama ada staf akademik mahu pun kumpulan pelaksana. Bahkan, apa yang ingin diketengahkan ialah kewujudan kedua-dua golongan ini juga dinaungi di bawah pentadbiran universiti.





Nilai dan Etika Pegawai Tadbir

Rosliza binti Abdul Razak
Universiti Sultan Zainal Abidin
rosliza@unisza.edu.my

ABSTRAK

Pegawai Tadbir yang berkualiti harus memiliki dua aspek keunggulan, iaitu yang pertama ialah keunggulan peribadi yang dizahirkan melalui sikap, pemikiran dan peri laku yang berdasarkan nilai-nilai seperti amanah, jujur, tekun, dedikasi, bertanggungjawab, berani, tegas, adil, berbudi mulia, bersopan santun, pemaaf dan merendah diri. Manakala yang kedua pula ialah professional competency iaitu memiliki tahap profesionalisme atau etika kerja yang tinggi iaitu cekap, mahir, berilmu, intelektual, produktif, result oriented, inovatif, pintar dan kreatif.

Ketinggian tahap profesionalisme sahaja tidak memadai untuk membentuk warga kerja yang benar-benar berkualiti. Banyak kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, pecah amanah serta lain-lain bentuk pelakuan yang melanggar etika telah dilakukan oleh golongan profesional serta individu yang berkelulusan tinggi, mahir serta pakar dalam bidang masing-masing.





**HIMPAK: Program Himpunan Perdana
Kolej Kediaman UniSZA
& Pelancaran Kempen Bi'ah Solehah 2022**

Rusdi bin Muda
Universiti Sultan Zainal Abidin
mrusdi@unisza.edu.my

ABSTRAK

Persekitaran yang konstruktif di dalam setiap Institut Pengajian Tinggi adalah penting untuk menerapkan sifat dan suasana yang tenteram supaya setiap pelajar dapat menerapkan amalan yang baik. Namun demikian, setiap pelajar haruslah mempunyai usaha dan motivasi diri yang tinggi untuk mengamalkan sikap yang baik (Azizi et al., 2005). Oleh itu, Pihak Kolej Kediaman UniSZA telah melancarkan kempen Bi'ah Solehah bagi membentuk sahsiah seluruh pelajar UniSZA. Menurut pernyataan daripada Abd Rashid Zainal (2012), Bi'ah Solehah merupakan kehidupan normal yang dilalui oleh setiap pelajar sebagai proses pendidikan yang berterusan dengan mengamalkan hubungan yang baik sesama manusia dan dalam pada masa yang sama program ini bertujuan untuk membina akhlak yang mahmudah (mulia) dan mengekalkan rasa kasih dan cinta kepada Tuhan yang Maha Esa.

Program Bi'ah Solehah adalah berdurasi sepanjang tahun mengikut ketetapan aktiviti yang telah dirangka. Objektif program Bi'ah Solehah adalah berkhusus untuk melahirkan Role Model Mahasiswa Kolej Kediaman yang berakhhlak mulia melalui penganjuran program berimpak tinggi, Objektif yang kedua adalah untuk membina sahsiah mahasiswa Kolej Kediaman yang syumul melalui penganjuran program kerohanian yang berteraskan ilmu dan akhlak serta menghasilkan sahsiah dan jati diri Mahasiswa Kolej Kediaman yang baik membentuk identiti Mahasiswa Kolej Kediaman yang berakhhlak, berwawasan, proaktif, kreatif serta dapat meningkatkan lagi kecemerlangan dalam segenap bidang yang diceburi sama ada secara lansung atau tidak lansung.





Penerapan Model Kompetensi di Kalangan Pentadbir UniSZA

Cairul Anwar bin Mohamed
Universiti Sultan Zainal Abidin
cairul@unisza.edu.my

ABSTRAK

Pihak Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menghantar pegawai dari kalangan akademik dan pentadbir mengikuti kursus kerjasama antara Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang melibatkan pelaksanaan modul Kompetensi Berasaskan Bakat (Competency Based Talent Management (CBTM)) iaitu kursus Talent Management for Excellence (TAME). Program ini dilaksanakan melalui Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), UMP Advanced yang memakan masa selama satu (1) tahun. Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM) merupakan pendekatan pengurusan sumber manusia yang holistik yang mengintegrasikan semua aktiviti sumber manusia berdasarkan kompetensi dalam mencapai matlamat sesebuah organisasi. Kompetensi secara tradisinya merangkumi pengetahuan, kemahiran dan kebolehan / sikap / perilaku (knowledge, skills and attitudes) yang digabungkan dengan ciri-ciri peribadi yang relevan untuk berjaya dalam tugas atau peranan sesuatu perjawatan terutamanya penjawat-penjawat awam. Menurut Boyatzis (1982) di dalam bukunya “The Competent Manager” telah mendefinisikan kompetensi sebagai “an underlying characteristic of a person” yang tersembunyi di dalam watak seseorang yang boleh dilihat dalam bentuk “self-image, traits, motive and social roles” serta kemahiran dan pengetahuan yang mempunyai kesan secara langsung kepada prestasi kerja yang dihasilkan. Penggunaan model kompetensi kepada semua fungsi pengurusan sumber manusia dalam sektor awam mampu memperkasakan pengurusan bakat kepimpinan berteraskan kompetensi dengan lebih holistik dan objektif bagi mencapai kelestarian pengurusan bakat kepimpinan.



Ahli Jawatankuasa

SIMPOSIUM PENTADBIR

Penasihat

Encik Ismail bin Musa

Pengarah

Puan Farah Hayati binti Osman

Setiausaha

- 1.Puan Nurhidayah binti Ahmad
- 2.Encik Mohd Ramadhan Syakir bin Awang

Jawatankuasa Jemputan dan Promosi

Encik Mohd Zulfa bin Awang

Jawatankuasa Protokol

Puan Majedah binti Mokhtar

Jawatankuasa Buku & Cenderahati

- 1.Puan Norazfani binti Abdul Rahim
- 2.Puan Wan Mazrina binti Wan Mansor
- 3.Encik Mohd Usairi bin Mohamed Zainuddin

Jawatankuasa Persediaan Tempat

- 1.Cik Nurhana binti Ghazali
- 2.Puan Anizan binti Jaafar

Jawatankuasa Makanan

- 1.Puan Fazilah binti Mohamad
- 2.Encik Abdul Rahim bin Mohd

Jawatankuasa Teks Ucapan

Puan Zuwariyah binti Abdul Rahman



Catatan





Terima Kasih

www.unisza.edu.my